



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my>

5 MAC 2025

KENYATAAN MEDIA
BERHUBUNG PENYATA TINDAKAN SUSULAN
PENGURUSAN MARA INCORPORATED.

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata PAC berhubung tindakan susulan Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) Bagi Syor-syor Penyata PAC Berhubung Pengurusan MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)
2. Penyata ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil KKDW, Majlis Amanah Rakyat (MARA), MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp.) dan MARA Inc. terhadap syor-syor PAC dalam Penyata PAC Parlimen berhubung MARA Inc. (DR.43/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 26 November 2024, seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 304 (b) 2023.
3. Justeru, PAC mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen tersebut pada 22 Januari 2025. Saksi-saksi yang hadir memberi keterangan dan penjelasan adalah:
 - i. YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);

- ii. YBhg. Dato' Afandi bin Nordin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKDW;
- iii. YBhg. Dato' Sri Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah, MARA;
- iv. YBhg. Dato' Amir Azhar bin Ibrahim, Pengarah Rancangan Korporat Kumpulan, MARA Corp.; dan
- v. YBrs. Ts. Tn. Mohd. Fadzil bin Mohd. Idris, Ketua Pegawai Eksekutif, MARA Inc.

- 4. Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan yang telah diambil oleh KKDW, MARA, MARA Corp dan MARA Inc. terhadap syor-syor PAC berkenaan.
- 5. Bagi ulasan terhadap syor pertama, PAC mengambil maklum terhadap pemantauan yang diambil KKDW, MARA dan MARA Corp. serta strategi-strategi yang ditambahbaik oleh MARA Inc. terhadap projek pembangunan termasuk pembangunan hartanah, projek tenaga boleh baharu dan pelan pemasaran.
- 6. Sehubungan itu, PAC mengingatkan KKDW, MARA, MARA Corp. dan MARA Inc. untuk sentiasa memastikan semua projek yang sedang dan akan dilaksanakan dapat menjana keuntungan bersih yang tinggi.
- 7. Ulasan PAC bagi syor kedua, adalah supaya MARA Inc. memastikan semua hutang dibayar secara teratur selaras dengan Pelan Penyelesaian Hutang yang telah ditetapkan.
- 8. Berhubung syor terhadap pemilikan Premiera Hotel & Resorts Sdn. Bhd. (PHKL), ulasan Jawatankuasa ini adalah supaya MARA Inc. perlu memastikan pelan pemulihan Kumpulan MARA Inc. yang turut merangkumi strategi pelan pemulihan di PHKL untuk menyasarkan

mengurangkan kerugian terkumpul sebanyak RM84.1 juta pada tahun 2023 kepada keuntungan terkumpul sebanyak RM0.8 juta dilaksanakan.

9. Mengenai syor penyediaan Pelan Operasi Standard (SOP) penyewaan hartanah, ulasan PAC adalah untuk MARA Inc. sentiasa melihat semula dan menambah baik SOP berkenaan supaya mengikut keperluan dan peredaran masa. Jawatankuasa ini, mengingatkan MARA Inc. mengenai perkara ini, walaupun pihak MARA Inc. telah mempunyai SOP Pajakan (*Leasing*) dan Pungutan (*Collection*) serta menguatkuasakan pematuhan terhadap SOP tersebut.
10. Selain itu, PAC mengambil maklum tindakan MARA Inc. untuk menggubal satu polisi lengkap berhubung penilaian hartanah dan mengingatkan supaya polisi tersebut sentiasa dipatuhi dan dikemaskini setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah MARA Inc.
11. MARA Inc. turut memaklumkan bahawa semua kelulusan aktiviti pelaburan syarikat berkenaan adalah berdasarkan polisi pelaburan MARA Corp. dan MARA Inc. akan hanya memberi tumpuan kepada perniagaan dan projek domestik.
12. PAC sekali lagi menegaskan keperluan penelitian, pematuhan dan penambahbaikan terhadap garis panduan dan polisi sedia ada supaya skandal hartanah MARA Inc. tidak akan berulang lagi pada masa hadapan.

13. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti setiap tindakan susulan KKDW, MARA, MARA Corp. dan MARA Inc. serta ulasan PAC boleh memuat turun (*download*) penyata berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin